

Memahami Pendidikan Bersifat Holistik

Oleh: Dr. Muhamad Suhaimi bin Taat,
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS

Negara kita pernah dikejutkan dengan kes pelajar membunuh diri ataupun cubaan untuk bertindak sedemikian akibat tekanan perasaan kerana mendapat keputusan yang mengecewakan dalam peperiksaan umum seperti Penilaian Memengah Rendah atau Sijil Pelajaran Malaysia. Tindakan keterlaluan di luar akal fikiran manusia yang waras untuk mengakhiri kehidupan dengan membunuh diri sendiri adalah akibat daripada perasaan yang sangat kecewa atau malu yang teramat sangat kerana gagal dalam peperiksaan.

Mengimbu rekod, dari tahun 2003 hingga terkini, sejumlah lebih kurang enam orang pelajar telah membunuh diri atas sebab serupa. Peristiwa tragis ini terjadi besar kemungkinan akibat daripada harapan atau jangkaan yang terlalu tinggi yang diletakkan di atas bahu pelajar malang tersebut oleh ibu bapa atau keluarga tanpa betul-betul melihat dan menyelidiki kemampuan anak atau pelajar tersebut. Atau mungkin timbul perasaan malu dan rendah diri yang amat sangat hingga menjadikan pelajar tersebut tidak mampu untuk berhadapan dengan rakan sebaya atau masyarakat. Persoalannya adakah kejayaan seseorang itu diukur dari segi akademik atau aspek kognitif sahaja? Pengajaran dan pembelajaran yang hanya berorientasikan peperiksaan menjadikan pelajar seolah-olah seperti robot dan sifat manusia atau insan sejati menjadi hilang. Adakah gagal dalam sebarang peperiksaan am seperti UPSR, PMR, SPM atau STPM bermakna berakhirnya kehidupan ini? Jawapannya adalah 'tidak', kerana pendidikan sebenarnya bersifat holistik iaitu memberi penekanan kepada tiga domain utama iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor. Tidak semua manusia yang berjaya atau boleh dikatakan sangat berjaya dalam karier yang diceburi dalam hidup ini bergantung pada keupayaan kognitif semata-mata. Jika kita lihat orang-orang yang berjaya sama ada di dalam atau di luar negara, ramai yang berjaya adalah merupakan mereka yang hebat dari aspek afektif dan psikomotornya. Sebagai contoh seperti ahli muzik, ahli sukan, dan pelbagai ahli dalam bidang-bidang yang tidak terlalu menekankan kepada aspek kognitif. Namun, isunya bagaimana perancangan dan pelaksanaan dasar, program atau aktiviti pendidikan daripada peringkat pembuat dasar sehinggalah kepada pelaksana seperti guru di sekolah harus dititik beratkan termasuklah kesedaran yang harus diterapkan kepada ibu bapa agar mereka faham bahawa sesungguhnya kejayaan anak-anak mereka tidak terhad kepada kejayaan dalam bidang akademik sahaja.

Rata-rata ibu bapa sekarang khususnya yang tinggal di bandar dan mempunyai latar belakang pendidikan yang agak baik mahukan anak mereka bersekolah di sekolah-sekolah yang mempunyai ranking dan reputasi yang baik. Tidak kurang juga ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen seawal usia tujuh tahun atau ketika pada tahun satu lagi. Kanak-kanak seperti ini tidak merasai zaman kanak-kanak mereka secara hakiki kerana menuruti kehendak ibu bapa yang ingin melihat anak-anak berjaya dalam pelajaran. Terdapat sesetengah ibu bapa yang sibuk menghantar anak ke kelas tuisyen akademik tetapi lupa untuk menghantar anak mereka belajar mengaji al-Quran atau ke sekolah agama kerana merasakan ilmu agama dan kerohanian adalah kurang atau tidak penting sama sekali, walhal ilmu keagamaan inilah yang akan menentukan masa depan mereka dalam mengharungi cabaran hidup yang semakin meruncing. Tanpa didikan agama mereka boleh hilang arah dan panduan hidup.

Hakikatnya, anak-anak harus diberi peluang untuk membesar secara normal atau menurut tabiinya tanpa perlu memaksa melakukan sesuatu di luar kebiasaan mereka. Sebagai contoh antara sifat kanak-kanak kecil adalah suka bermain dan sentiasa aktif. Kerana itulah terdapat pendekatan bermain sambil belajar. Kanak-kanak juga sepatutnya banyak menghabiskan masa dengan ibu bapa dan adik-beradik di rumah agar ikatan kekeluargaan itu menjadi lebih kukuh. Maka, tidak hairanlah sekiranya pada suatu masa nanti anak-anak kurang merasa kasih sayang dari ibu bapa dan cuba mendapatkan rasa kasih sayang dari orang lain yang membawa kepada isu atau gejala negatif. Seharusnya ibu bapa adalah insan yang paling rapat dan selalu berdamping dengan anak-anak. Namun

dalam senario kehidupan yang begitu menekankan aspek kebendaan, ramai dalam kalangan ibu bapa khususnya yang bekerja amat terhad masa yang dapat diluangkan bersama anak-anak. Terdapat sesetengah ibu bapa yang keluar kerja sebelum anak bangun daripada tempat tidur dan kembali balik ke rumah setelah bekerja setelah anak mereka tidur. Kalau ada pun masa mungkin waktu hujung minggu sahaja.

Pendidikan sepatutnya bermula di rumah dan seterusnya, ibu bapa hendaklah meluangkan masa belajar bersama-sama anak-anak di rumah, dan tidak melepaskan tanggungjawab tersebut kepada guru di sekolah atau di pusat tuisyen. Maka, dari situlah ibu bapa akan lebih mengetahui dan memahami kelebihan dan kelemahan yang dimiliki oleh anak masing-masing. Daripada aspek psikologi pula, pertautan antara anak dan ibu bapa akan menjadi lebih akrab dan teguh serta berupaya memotivasikan anak-anak. Ibu bapa juga harus sedar bahawa setiap anak yang dilahirkan itu memiliki kelebihan dan kekurangan yang berbeza antara satu dengan yang lain. Howard Gardner telah memperkenalkan teori lapan Kecerdasan Pelbagai yang merumuskan bahawa setiap individu seharusnya tahu bakat dan kelebihan yang dimiliki oleh diri masing-masing dan hendaklah menggunakan atau mengoptimumkan bakat dan kelebihan yang ada agar berjaya dan cemerlang dalam kehidupan.

Pihak sekolah khususnya para guru dan kaunselor seharusnya berupaya untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar masing-masing agar dapat memberikan panduan, bimbingan, serta alternatif kepada anak didik mereka untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang bersesuaian. Pihak pentadbir atau guru tidak boleh memaksa pelajar untuk mengambil aliran atau bidang yang tidak diminati dan tidak mampu dibawa oleh para pelajar hanya semata-mata untuk mencukupkan kuota bagi aliran-aliran tertentu. Persoalannya di sini, siapakah yang ingin belajar, adakah pihak pentadbir sekolah, guru-guru atau pelajar itu sendiri? Sebagai contoh, pelajar yang tidak mendapat keputusan yang baik bagi mata pelajaran sains dan matematik dalam PMR, seharusnya tidak dimasukkan ke dalam kelas aliran sains tulen semata-mata hanya kerana pihak sekolah mahu mengekalkan kewujudan kelas sains tulen di sekolah. Kebanyakan guru juga suka melabelkan pelajar di aliran sains sosial atau sastera merupakan pelajar kelas kedua, sedangkan andaian tersebut adalah kurang tepat. Apabila seseorang guru itu melabelkan pelajar sebagai kurang berkemampuan dan guru tersebut tidak berkeyakinan yang pelajarinya boleh dan akan berjaya, maka guru tersebut sebenarnya telah melakukan satu kesilapan besar.

Sehubungan dengan itu, guru hendaklah berkeyakinan bahawa pelajar walau apa pun aliran mereka, tetap mampu dan boleh mencapai kejayaan sekiranya diberi peluang dan bimbingan. Maka, yang lebih penting adalah proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Persepsi guru terhadap kemampuan pelajar bukan sahaja mempengaruhi proses pengajaran yang dilaksanakan, malah memberi kesan negatif terhadap emosi dan motivasi pelajar. Pelajar juga harus didedahkan dengan pelbagai peluang dan bidang lain yang mungkin bersesuaian dengan diri mereka setelah tamat persekolahan agar pelajar tidak mengandalkan kegagalan untuk mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan sebagai satu kegagalan dalam hidup. Pendidikan itu sendiri amat luas maknanya serta bersifat komprehensif dan holistik.

Akhirnya, semoga aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat direalisasikan demi kemakmuran negara tercinta.

Rujukan : Howard Gardner. (1999). *Intelligence Reframed : Multiple Intelligences for The 21st Century*. New York : Basic Books.